

SULIT



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

HIT522 – Tokoh-Tokoh Periwayat Hadith

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada TIGA (3) soalan hanya TIGA (3) soalan pertama sahaja mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

SULIT

1. Dalam periwayatan hadith, mengenal pasti guru dan murid adalah sangat penting untuk memastikan sanad sesebuah hadith bersambung. Berdasarkan kenyataan tersebut, huraikan :
 - [a] Ketokohan 'A'ishah RA dan anak muridnya 'Urwah bin al-Zubayr yang merupakan anak saudara beliau.

[50 markah]
 - [b] Ketokohan Abu Hurairah RA dan anak muridnya Sa'id bin al-Musayyib yang merupakan menantu beliau.

[50 markah]

2. Ibn Shihab al-Zuhri merupakan tokoh periwayat hadith tersohor dalam kalangan *al-tabi'in* selepas *tabaqah al-wusta* yang terserlah periwayatannya dari kalangan *al-tabi'in* berdasarkan pembahagian *tabaqah al-ruwat* oleh Ibn Hajar. Berdasarkan kenyataan tersebut:
 - [a] Analisis kewibawaan al-Zuhri sebagai periwayat hadith yang memberi sumbangan yang besar dalam usaha pengumpulan hadith meskipun berhadapan dengan beberapa kritikan terhadap ketokohnya.

[50 markah]
 - [b] Bandingkan ketokohan SEORANG anak murid al-Zuhri dari *tabaqah* pertama dengan SEORANG anak muridnya dari *tabaqah* kedua yang menjadi pilihan al-Bukhari untuk meriwayatkan hadith daripada mereka dalam karyanya *Sahih al-Bukhari*.

[50 markah]

3. Tokoh-tokoh periwayat hadith juga kadangkala dikenali dengan panggilan atau istilah tertentu. Berdasarkan kenyataan tersebut, bandingkan:
- [a] Ketokohan DUA periwayat hadith yang dikenali dengan nama *al-Sufyanayn*.
[50 markah]
- [b] Ketokohan DUA periwayat hadith daripada kalangan *al-'Abadilah*.
[50 markah]
4. Zaman keemasan ilmu hadith menyaksikan kemunculan tokoh-tokoh hadith yang hebat. Berdasarkan kenyataan tersebut :
- [a] Rumuskan perbezaan kedudukan antara *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* dari sudut ketokohan pengarang-pengarangnya.
[50 markah]
- [b] Analisis ketokohan Abu Dawud dan al-Nasa'i yang bukan sahaja menghasilkan karya induk hadith bahkan merupakan ulama *al-jarh wa al-ta'dil*.
[50 markah]
5. Analisis ketokohan periwayat hadith seperti berikut, menurut perspektif ilmu hadith:
- [a] Syu'bah [25 markah]
- [b] Al-Sya'bi [25 markah]
- [c] 'Ikrimah [25 markah]
- [d] Waki' bin al-Jarrah [25 markah]